

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik guna tenaga mahir mengikut bidang/kluster pekerjaan berbanding bilangan siswazah lepasan ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda bergraduat setiap tahun.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Kajian Pengesanan Graduan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), bilangan siswazah yang bergraduat pada 2019 bagi ijazah sarjana muda atau ijazah pertama dan ijazah sarjana adalah 163,039 orang. Siswazah bertaraf warganegara adalah seramai 142,151 orang. Daripada jumlah tersebut, 87.9 peratus atau 124,919 orang adalah siswazah ijazah pertama manakala ijazah sarjana merangkumi 12.1 peratus atau 17,232 orang.

2. Menerusi laporan tersebut, didapati seramai 100,613 orang atau 70.8 peratus telah bekerja manakala belum bekerja seramai 22,126 orang (15.6%), menunggu penempatan pekerjaan seramai

9,600 orang (6.8%), melanjutkan pengajian seramai 6,926 orang (4.9%) dan meningkatkan kemahiran seramai 2,886 orang (2.0%).

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pula, bilangan penduduk bekerja pada suku tahun ketiga (ST3) 2020 adalah seramai 15.10 juta orang. Daripada jumlah tersebut, penduduk bekerja dalam kategori mahir merangkumi 29.1 peratus atau 4.39 juta orang. Mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013, pekerjaan dalam kategori mahir meliputi Pengurus, Profesional dan Juruteknik & profesional bersekutu.
4. Pada ST3 2020, bilangan penduduk bekerja berpendidikan tertiarai adalah seramai 3,029.0 ribu orang merangkumi 63.2 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja berpendidikan tertiarai.

Sekian, terima kasih.